

08 OCT 1997

#### MALAYSIA CADANG PASARAN TERTENTU UNTUK PERDAGANGAN MATA WANG

KUALA LUMPUR, 8 Okt (Bernama) -- Malaysia, yang diberi tanggungjawab oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia untuk menguruskan usaha mengadakan peraturan dalam perdagangan mata wang, akan mencadangkan supaya pasaran tertentu diwujudkan bagi perdagangan mata wang.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, penubuhan pasaran tertentu bagi perdagangan mata wang amat penting kerana kaedah yang digunakan sekarang tidak telus sehingga membolehkan perdagangan itu disalahgunakan untuk tujuan manipulasi dan spekulasi.

"Kita tahu semua 'trading' (urus niaga) mempunyai pasaran tertentu. Kalau nak jual saham ada tempat, kalau nak jual komoditi ada tempat, kalau nak jual apa pun ada tempat dan peniaga-peniaganya mestilah didaftarkan.

"Tetapi kita dapati dalam bidang 'currency trading' ini (perdagangan mata wang) tidak ada pasaran tertentu dan kita tak tahu siapa yang berniaga," katanya ketika ditanya pemberita di ruang legar Bangunan Parlimen, di sini.

Sejak kebelakangan ini, Malaysia begitu lantang menyuarakan mengenai perlunya kawalan dan ketelusan dalam perdagangan mata wang kerana ketiadaan elemen-elemen itu telah menyebabkan mata wang negara-negara yang lemah begitu mudah diserang oleh pemanipulator dan spekulator untuk mendapatkan keuntungan.

Perdana Menteri berkata, amanah yang diberikan oleh IMF dan Bank Dunia itu merupakan suntikan semangat baru kepada Malaysia dalam perjuangannya untuk memastikan perdagangan mata wang lebih telus dan tidak dimanipulasikan.

Katanya, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga Menteri Kewangan telah diberi tanggungjawab untuk mengemukakan cadangan-cadangan yang akan dikemukakan itu termasuk peraturan-peraturan yang difikirkan mampu membendung kegiatan manipulasi dan spekulasi dalam perdagangan mata wang.

"Satu daripada cadangannya sudah tentu ialah kita mesti ada pasaran tertentu yang mana peniaga dalam 'currency' (mata wang) ini boleh daftar diri dan dia dapat kerusi nombor sekian-sekian. Dia nak berniaga dia pergi meniaga di situ dan kita tahu siapa yang meniaga, duit datang dari mana, banyak mana kredit (pinjaman) yang dia dapat dari bank.

"Semua ini patut kita tahu barulah kita boleh berniaga. Ini kita meniaga dengan orang yang kita tak tahu, hilang begitu, lesap macam hantu, payahlah," katanya ketika diminta menghuraikan bentuk pasaran tertentu yang akan Malaysia cadangkan itu.

Katanya, hakikat bahawa perdagangan mata wang yang diamalkan sekarang amat tersembunyi sememangnya diakui oleh pedagang mata wang sendiri.

"Bahkan hari ini kalau kita baca dalam Business Times seorang daripada 'currency traders' (pedagang mata wang) dengan bangga berkata kami (peniaga mata wang) tidak boleh dijumpa (tidak boleh dikesan) di mana-mana kerana kami bertindak secara tersembunyi," katanya.

Perdana Menteri berkata, pengakuan pedagang mata wang itu jelas bercanggah dengan apa yang dinyatakan oleh pemiaya kewangan antarabangsa, George Soros, yang kononnya perjuangannya (Soros) adalah untuk memastikan matlamat "masyarakat terbuka" tercapai.

Dr Mahathir berkata, jika benar perjuangan Soros adalah untuk melihat "masyarakat terbuka", pemiaya kewangan antarabangsa yang berpangkalan di Amerika Syarikat itu tidak sepatutnya melibatkan diri dalam perdagangan

mata wang yang begitu tersembunyi.

"Tapi apa jenis perniagaan ini (yang tersembunyi) sedangkan kita dengar Soros kata dia berjuang untuk 'open society', masyarakat yang terbuka tetapi dia sendiri melibatkan diri dalam satu jenis perniagaan yang tersembunyi, 'completely hidden' (tersembunyi sama sekali).

"Tak boleh orang tengok, tak boleh orang tahu siapa. Jadi nampak ada 'double standardlah'. Untuk orang lain mesti buka, untuk dia (Soros) mesti tutup," katanya. -- Bernama.

AH SIA